“37. In this Schedule, “special purpose vehicle” means a company incorporated under the Companies Act 2016 or a company incorporated under the Labuan Companies Act 1990 [Act 441] which has made an election under section 3A of the Labuan Business Activity Tax Act 1990 and established solely for the purpose of issuance of sukuk or debenture for asset-backed securities in a securitization transaction lodged with the Securities Commission Malaysia or approved by the Labuan Financial Services Authority.”.

Pindaan Jadual 7A**28. Jadual 7A kepada Akta ibu dipinda—**

(a) dalam perenggan 2B—

(i) dalam subperenggan (a), dengan menggantikan perkataan “and 2022” dengan perkataan “, 2022, 2023 and 2024”;

(ii) dalam subperenggan (b)—

(A) dengan menggantikan perkataan “and 2022” dengan perkataan “, 2022, 2023 and 2024”; dan

(B) dengan memotong perkataan “or” di hujung subperenggan itu;

(iii) dalam subperenggan (c)—

(A) dengan menggantikan perkataan “year of assessment 2022” dengan perkataan “years of assessment 2022, 2023 and 2024”; dan

(B) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; or”; dan

(iv) dengan memasukkan selepas subperenggan (c) subperenggan yang berikut:

“(d) ends in the year of assessment 2022, an allowance under paragraph 1 or 1A shall be given in respect of capital expenditure incurred by the company in the basis period for the years of assessment 2023 and 2024; or

(e) ends in the year of assessment 2023, an allowance under paragraph 1 or 1A shall be given in respect of capital expenditure incurred by the company in the basis period for the year of assessment 2024.”;

(b) dalam perenggan 4B, dengan memasukkan selepas perkataan “paragraph 2” perkataan “or 2B”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas perenggan 4B perenggan yang berikut:

“4c. Notwithstanding paragraph 4, so much of the allowance or allowances as cannot be given to a person as ascertained under that paragraph which relates to capital expenditure incurred after the end of the period of fifteen consecutive years of assessment referred to in paragraph 2B until the year of assessment 2024—

- (a) shall only be given to that person in accordance with paragraph 4 for a period of seven consecutive years of assessment and that period commences immediately following the year of assessment 2024; and
- (b) any amount of the allowance or aggregate amount of the allowance at the end of that period which has not been given to that person, by reason of insufficiency or absence of statutory income from his business for that period, shall be disregarded for the purposes of this Schedule.”.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

29. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

Pindaan seksyen 21B

30. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 21B, dengan menggantikan subseksyen (1A) dengan subseksyen yang berikut:

“(1A) Bagi maksud subseksyen (1), jika pelupus dalam suatu pelupusan yang disebut dalam subseksyen itu ialah—

- (a) pelupus di bawah Bahagian II Jadual 5, pemeroleh hendaklah, berhubung dengan pelupusan dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai, memegang simpan kesemua wang itu atau suatu jumlah wang tidak

melebihi lima peratus daripada jumlah nilai balasan itu, mengikut mana-mana yang lebih rendah, dan sama ada amaun itu dipegang simpan atau tidak, pemeroleh itu hendaklah dalam tempoh enam puluh hari selepas tarikh pelupusan itu membayar amaun itu kepada Ketua Pengarah; atau

- (b) pelupus di bawah Bahagian III Jadual 5, pemeroleh hendaklah memegang simpan kesemua wang itu atau suatu jumlah wang tidak melebihi tujuh peratus daripada jumlah nilai balasan itu, mengikut mana-mana yang lebih rendah, dan sama ada amaun itu dipegang simpan atau tidak, pemeroleh itu hendaklah dalam tempoh enam puluh hari selepas tarikh pelupusan itu membayar amaun itu kepada Ketua Pengarah.”.

Pindaan seksyen 32

31. Subseksyen 32(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “cukai” perkataan “, jumlah wang atau hutang”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi lima ribu ringgit” dengan perkataan “tidak kurang daripada dua ratus ringgit dan tidak melebihi dua puluh ribu ringgit”.

Seksyen baharu 57B

32. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 57A seksyen yang berikut:

“Nombor pengenalan cukai

57B. Bagi maksud Akta ini, tiap-tiap orang hendaklah menggunakan nombor pengenalan cukai yang diberikan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 66A Akta Cukai Pendapatan 1967.”.

Pindaan Jadual 2

33. Jadual 2 kepada Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan 3, dengan menggantikan subsubperenggan 3(1)(b) dengan subsubperenggan yang berikut:

- “(b) (i) pemindahmilikan aset antara suami isteri; atau
- (ii) pemindahmilikan aset yang dipunyai oleh seorang individu, oleh isteri individu itu atau oleh seorang individu bersesama dengan isterinya atau dengan seorang yang berkaitan, oleh seorang nomini bagi individu itu, seorang nomini bagi isteri individu itu atau seorang nomini bagi kedua-duanya, atau oleh pemegang amanah bagi individu itu, pemegang amanah bagi isteri individu itu atau pemegang amanah bagi kedua-duanya, kepada suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia atau tidak, yang dikawal oleh individu itu, oleh isteri individu itu, oleh individu itu bersesama dengan isterinya atau dengan seorang yang berkaitan, oleh nomini bagi individu itu, nomini bagi isteri individu itu atau nomini bagi kedua-duanya, atau oleh pemegang amanah bagi individu itu, pemegang amanah bagi isteri individu itu atau pemegang amanah bagi kedua-duanya, bagi suatu balasan yang terdiri daripada syer dalam syarikat itu atau bagi suatu balasan terdiri sebahagian besarnya daripada syer dalam syarikat itu dan bakinya bayaran wang;” dan

(b) dalam subperenggan 33(d), dengan memasukkan selepas perkataan “perenggan” perkataan “34 atau”.

Pindaan Jadual 4

34. Jadual 4 kepada Akta ibu dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan formula kepada perenggan itu dengan formula yang berikut:

“(a) yang berhubungan dengan pelupusan harta tanah—

$$\frac{A \times C}{B}$$

- iaitu*
- A ialah bahagian keluasan aset yang boleh dikenakan cukai yang dilupuskan;
- B ialah jumlah keluasan aset yang boleh dikenakan cukai;
- C ialah sepuluh ribu;

atau sepuluh peratus keuntungan yang boleh dikenakan cukai, mengikut mana-mana yang lebih tinggi;

(b) yang berhubungan dengan pelupusan syer—

$$\frac{A \times C}{B}$$

- iaitu*
- A ialah bilangan syer yang disifatkan sebagai aset yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 34 atau 34A Jadual 2 yang dilupuskan;
 - B ialah jumlah bilangan syer terbitan yang disifatkan sebagai aset yang boleh dikenakan cukai berhubung dengan syer yang disifatkan sebagai aset yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 34 atau 34A Jadual 2;
 - C ialah sepuluh ribu;

atau sepuluh peratus keuntungan yang boleh dikenakan cukai, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.”.

Pindaan Jadual 5

35. Jadual 5 kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dalam Bahagian I, dalam ruang Kadar cukai, dengan menggantikan perkataan “5 peratus” dengan perkataan “Tiada” yang terdapat di baris keempat; dan
- (b) dalam Bahagian II, dengan menggantikan perkataan “pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]” dengan perkataan “kumpulan orang yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia”.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949

36. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

Seksyen baharu 36D

37. Akta Setem 1949, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 36C seksyen yang berikut:

“Finality of assessment

36D. (1) For the purposes of this Act, an assessment shall be final and conclusive where—

- (a) no valid notice of appeal against the assessment has been given under section 39 within the time specified by that section;
- (b) the assessment has been determined on appeal and there is no right of further appeal; or
- (c) a valid notice of appeal against the assessment has been given but the appellant dies before the hearing of the appeal by the High Court is commenced or completed and no personal representative of the estate of the deceased appellant applies to the High Court within two years after his death to proceed with or complete the hearing.

(2) Nothing in subsection (1) shall prejudice the application of section 36B or 50A.”.

Pindaan seksyen 37

38. Seksyen 37 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Where an instrument is chargeable with duty which exceeds ten ringgit and the duty is exempted, the person bringing the instrument to the Collector shall pay a fee of ten ringgit for the Collector to certify by indorsement on such instrument that the duty is exempted.”.

Pindaan seksyen 39**39.** Seksyen 39 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “If” dengan perkataan “Subject to subsection (4A), if”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Nothing in this section shall operate to compel the Collector to refund the excess amount of duty which may have been paid in conformity with the erroneous assessment, together with any fine or penalty which may have been paid unless the assessment has become final and conclusive in accordance with section 36D.”.

Pindaan seksyen 57

40. Perenggan (a) proviso kepada seksyen 57 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “twelve months” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “twenty-four months”.

Pindaan seksyen 58

41. Seksyen 58 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “twelve months” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “twenty-four months”.

Pindaan seksyen 77A**42.** Subseksyen 77A(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan “or” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (d), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

“(e) to obtain a review of an assessment in a case where section 38A applies; or

(f) to obtain a refund of duty paid in a case where section 57, 58 or 80B, or subsection 21(7), 39(4) or 80(3) applies.”.

Seksyen baharu 77c

43. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 77B seksyen yang berikut:

“Tax identification number

77c. For the purposes of this Act, every person shall use the tax identification number assigned by the Director General under section 66A of the Income Tax Act 1967.”.

Pindaan Jadual Pertama

44. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan butiran 31 dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut:

“31 CONTRACT NOTE:

Relating to the sale of any shares, stock or marketable securities in companies incorporated in Malaysia or elsewhere—

(a) For every RM1,000 or fractional part of RM1,000 of the value of any shares or stock RM1.50

(b) For every RM1,000 or fractional part of RM1,000 of the value of any marketable securities RM1.00”.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM
(CUKAI PENDAPATAN) 1967**Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum
(Cukai Pendapatan) 1967**

45. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

Pindaan seksyen 37

46. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 37 dengan menggantikan perkataan “in writing” dengan perkataan “in the prescribed form”.

Pindaan seksyen 41A

47. Subseksyen 41A(10) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) the applicant may, within six months after being informed of the decision, request in the prescribed form for the Director General to forward the application to the Special Commissioners;”.

Pindaan seksyen 43

48. Seksyen 43 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) This section shall not apply to an assessment made under subsection 38(1) or section 39A, except where a chargeable person in respect of such assessment is aggrieved by the public ruling made under section 71B or any practice of the Director General generally prevailing at the time when the assessment is made.”.

Pindaan seksyen 65c

49. Seksyen 65c Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) The Minister may, in any particular case, exempt any chargeable person from all or any of the provision of this Act, either generally or in respect of any income of a particular kind or any class of income of a particular kind.”.

Pindaan seksyen 66

50. Subseksyen 66(5) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) the applicant may, within six months after being informed of the decision, request in the prescribed form for the Director General to forward the application to the Special Commissioners;”.

Pindaan seksyen 66A

51. Subseksyen 66A(5) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) the applicant may, within six months after being informed of the decision, request in the prescribed form for the Director General to forward the application to the Special Commissioners;”.

BAB VI**PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI
PERNIAGAAN LABUAN 1990****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti
Perniagaan Labuan 1990**

52. (1) Seksyen 53 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

(2) Seksyen 54 disifatkan telah mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(3) Seksyen 55 dan 56 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2022 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(4) Seksyen 57 dan 58 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

Pindaan seksyen 2B

53. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 2B dengan memasukkan selepas subseksyen (1B) subseksyen yang berikut:

“(1C) Keuntungan bersih yang disebut dalam perenggan (1B)(a) tidak termasuk apa-apa pendapatan yang diperoleh daripada royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada hak harta intelek jika ia boleh diterima sebagai balasan bagi pengeksploitan secara komersial hak itu.

(1D) Apa-apa pendapatan yang diperoleh daripada hak harta intelek yang disebut dalam subseksyen (1C) adalah tertakluk kepada cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

(1E) Dalam seksyen ini, “hak harta intelek” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 4(5).”.

Pindaan seksyen 8

54. Seksyen 8 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “yang adalah aktiviti perdagangan Labuan”.

Pindaan seksyen 10

55. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**Akuan berkanun**” perkataan “**dan penyata keuntungan**”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan “suatu akuan berkanun” perkataan “dan penyata keuntungan entiti Labuan itu”.

Pindaan seksyen 11

56. Seksyen 11 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 5” perkataan “atau 10”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “cukai” di mana-mana jua terdapat perkataan “, jika ada,”.

Seksyen baharu 16A

57. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 16 seksyen yang berikut:

“Tanggungan pengarah

16A. (1) Walau apa pun yang berlawanan dengan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, jika mana-mana cukai yang genap masanya dan kena dibayar di bawah Akta ini oleh suatu syarikat, mana-mana orang yang merupakan pengarah pemastautin syarikat itu semasa tempoh yang cukai itu bertanggung untuk dibayar oleh syarikat itu, hendaklah bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi cukai yang genap masanya dan kena dibayar itu dan boleh didapatkan di bawah seksyen 14 daripada orang itu.

(2) Dalam seksyen ini, “pengarah” ertinya mana-mana orang yang—

- (a) memegang jawatan pengarah, dengan apa-apa nama yang disebut, termasuklah mana-mana orang yang berkaitan dalam pengurusan perniagaan syarikat itu; dan
- (b) merupakan, sama ada dengan sendirinya atau dengan seorang atau lebih sekutu, tuan punya bagi, atau mampu secara langsung atau melalui perantaraan syarikat lain atau dengan cara tidak langsung lain untuk mengawal, tidak kurang daripada dua puluh peratus modal syer biasa bagi syarikat itu.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(b), “sekutu” ertinya, berhubung dengan seseorang—

- (a) dalam mana-mana hubungan yang berikut dengan orang itu, iaitu suami atau isteri, ibu bapa atau leluhur jauh, anak atau zuriat jauh, adik-beradik lelaki, adik-beradik perempuan dan pasangan;
- (b) pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah bagi suatu penyelesaian yang berhubung dengan orang itu adalah, atau mana-mana saudara seumpamanya, hidup atau mati, seperti yang disebut dalam perenggan (a) takrif ini telah atau merupakan, seorang penyelesai;
- (c) jika orang itu berkepentingan dalam mana-mana syer atau obligasi bagi suatu syarikat yang tertakluk kepada mana-mana amanah atau bahagian harta pusaka si mati, mana-mana orang berkepentingan yang lain di dalamnya.”.

Pindaan seksyen 23

58. Perenggan 23(b) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “suatu akuan berkanun” perkataan “dan penyata keuntungan”.

BAB VII

PINDAAN KEPADA AKTA PENG GALAKAN PELABURAN 1986

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan 1986

59. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

Pindaan seksyen 2

60. Akta Penggalakan Pelaburan 1986, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam subseksyen 2(1)—

- (a) dalam takrif “syarikat penyelidikan dan kemajuan”, dengan menggantikan perkataan “yang menyediakan” dengan perkataan “yang diluluskan sebagai suatu syarikat bertaraf penyelidikan dan kemajuan di bawah seksyen 4H untuk menyediakan”; dan
- (b) dalam takrif “syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak”, dengan menggantikan perkataan “yang menyediakan” dengan perkataan “yang diluluskan sebagai suatu syarikat bertaraf penyelidikan dan kemajuan di bawah seksyen 4H untuk menyediakan”.

Pindaan tajuk Bab I Bahagian II

61. Bab 1 Bahagian II Akta ibu dipinda dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “*Taraf Perintis*” dengan perkataan “*Taraf Penyelidikan dan Kemajuan, dan Taraf Perintis*”.

Seksyen baharu 4G, 4H, 4I, 4J, 4K dan 4L

62. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas tajuk “*Bab 1- Taraf Penyelidikan dan Kemajuan, dan Taraf Perintis*” seksyen yang berikut:

“Permohonan bagi kelulusan taraf penyelidikan dan kemajuan

4G. (1) Bagi maksud Akta ini, suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan, atau suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak ialah suatu syarikat yang diluluskan sebagai suatu syarikat bertaraf penyelidikan dan kemajuan.

(2) Mana-mana syarikat boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Menteri untuk diluluskan sebagai suatu syarikat bertaraf penyelidikan dan kemajuan, dan Menteri boleh mengenakan apa-apa prasyarat bagi permohonan itu.

(3) Mana-mana syarikat yang memohon untuk diluluskan sebagai suatu syarikat bertaraf penyelidikan dan kemajuan hendaklah menyatakan bahawa syarikat itu menjalankan aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan di bawah Akta ini dan mematuhi apa-apa prasyarat yang dikenakan bagi permohonan itu.

(4) Apabila permohonan di bawah subseksyen (2) diterima, Menteri boleh meminta apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang berhubungan dengan permohonan itu, sekiranya perlu.

Pemberian taraf penyelidikan dan kemajuan

4H. (1) Jika Menteri berpuas hati bahawa prasyarat di bawah subseksyen 4G(2) telah dipatuhi, Menteri boleh memberikan kelulusan bagi taraf penyelidikan dan kemajuan kepada syarikat itu bagi suatu tempoh lima tahun berturut-turut bermula dari tarikh pemberian kelulusan itu atau apa-apa tarikh lain yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Menteri boleh, dengan persetujuan secara bertulis Menteri Kewangan, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut apabila memberikan kelulusan di bawah subseksyen (1).

(3) Menteri boleh, dengan persetujuan secara bertulis Menteri Kewangan, mengubah syarat dalam kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen (2).

(4) Menteri boleh, jika perlu, meminda kelulusan yang diberikan selain tempoh yang disebut dalam subseksyen (1).

Ketidakpatuhan kelulusan

4I. Jika suatu syarikat telah diberikan dengan suatu kelulusan di bawah subseksyen 4H(1) gagal untuk mematuhi syarat di bawah subseksyen 4H(1) dan (2), Menteri hendaklah melalui notis secara bertulis menghendaki syarikat itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyerahan notis itu untuk memulihkan kegagalan itu atau untuk membuktikan sehingga memuaskan hati Menteri bahawa kegagalan itu disebabkan oleh sebab yang di luar kawalan syarikat itu.

Penarikan balik kelulusan

4j. (1) Menteri boleh menarik balik kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 4H(1) kepada suatu syarikat melalui notis secara bertulis jika—

- (a) syarikat itu telah gagal untuk mematuhi notis yang diserahkan kepadanya di bawah seksyen 4i; atau
- (b) Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melanggar apa-apa peruntukan Akta ini atau apa-apa syarat yang dikenakan di bawah seksyen 4H dan dalam segala hal keadaan adalah bermanfaat berbuat demikian.

(2) Penarikan balik kelulusan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa—

- (a) pada tarikh kelulusan itu diberikan; atau
- (b) pada mana-mana tarikh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Penyerahan balik taraf penyelidikan dan kemajuan

4k. (1) Mana-mana syarikat yang diberikan taraf penyelidikan dan kemajuan di bawah subseksyen 4H(1) boleh, pada bila-bila masa, menyerahkan balik taraf itu dengan memberikan suatu notis secara bertulis bersama-sama dengan apa-apa alasan penyerahan balik itu kepada Menteri.

(2) Jika Menteri berpuas hati dengan alasan penyerahan balik taraf itu di bawah subseksyen (1), Menteri boleh meluluskan notis penyerahan balik itu dan penyerahan balik itu hendaklah berkuat kuasa—

- (a) pada tarikh notis penyerahan balik diterima oleh Menteri; atau
- (b) pada mana-mana tarikh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Pelanjutan tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan

4L. (1) Menteri boleh, dengan persetujuan secara bertulis Menteri Kewangan, melanjutkan tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan yang disebut dalam subseksyen 4H(1) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah, pada akhir tempoh tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan di bawah subseksyen itu, mematuhi syarat yang dikenakan ke atas kelulusan yang disebut dalam subseksyen 4H(2) atau (3), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Pelanjutan tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah bermula dari tarikh yang berikutan dengan berakhirnya tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan di bawah seksyen 4H dan berterusan selama tempoh lima tahun.

(3) Syarikat bertaraf penyelidikan dan kemajuan hendaklah membuat permohonan secara bertulis kepada Menteri bagi pelanjutan tempoh taraf penyelidikan dan kemajuannya dalam masa tiga puluh hari atau suatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri selepas berakhirnya tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan itu di bawah subseksyen 4H(1).

(4) Apabila suatu permohonan di bawah subseksyen (3) diterima, Menteri boleh meminta butiran lanjut atau apa-apa bukti tentang maklumat yang diberikan dalam permohonan itu yang difikirkannya perlu dan —

(a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah mematuhi syarat yang disebut dalam subseksyen (1), Menteri boleh, dengan persetujuan secara bertulis Menteri Kewangan, memberikan pelanjutan tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan itu; atau

(b) jika Menteri tidak berpuas hati, Menteri hendaklah menyebabkan suatu notis tentang keenggannya untuk memberikan pelanjutan itu dihantar kepada syarikat itu.

(5) Pelanjutan tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan hendaklah diberikan tertakluk kepada syarat yang dikenakan dalam kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 4H(2).”.

Kecualian dan peralihan

63. (1) Jika suatu syarikat termasuk dalam takrif suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan atau suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak di bawah Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa Bab ini, syarikat itu hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Bab ini, termasuk dalam takrif suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan atau syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak di bawah Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Bab ini bagi tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa, yang bolehlah disebut sebagai “tempoh tangguh”.

(2) Jika syarikat yang disebut dalam subseksyen (1) berhasrat untuk termasuk dalam takrif syarikat penyelidikan dan kemajuan atau syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Bab ini selepas tamat tempoh tangguh, syarikat itu dalam tempoh tangguh, hendaklah membuat suatu pemberitahuan bagi pertimbangan Menteri menyatakan hasrat syarikat untuk termasuk dalam takrif syarikat penyelidikan dan kemajuan atau syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Bab ini.

(3) Pada tarikh akhir tempoh tangguh, jika syarikat yang disebut dalam subseksyen (1) gagal untuk mengemukakan pemberitahuan yang disebut dalam subseksyen (2), syarikat itu hendaklah dengan serta-merta terhenti daripada termasuk dalam takrif syarikat penyelidikan dan kemajuan atau syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Bab ini.

BAB VIII**PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2012****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Kewangan 2012**

64. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

Pindaan seksyen 3

65. Akta Kewangan 2012 dipinda dengan menggantikan subseksyen 3(4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Seksyen 10 mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2021 dan berkenaan dengan perenggan 10(c) hingga tahun taksiran 2025.”.

BAB IX**PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2018****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Kewangan 2018**

66. Bab ini disifatkan telah mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan seksyen 11

67. Akta Kewangan 2018 dipinda dalam seksyen 11 dengan menggantikan perkataan “tahun taksiran 2025” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “tahun taksiran 2028”.